



MENTERI SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

IPEF 2023 WADAH TANGANI KEJUTAN PASARAN BURUH

1. Seiring perubahan landskap pasaran buruh yang mengalami siri kejutan ketara terutama sejak tiga tahun lalu, **International Public Employment Forum (IPEF 2023)** bakal menjadi wadah terbaik untuk menggarap strategi mengharungi dinamika dunia pekerjaan.
2. Penganjuran forum selama tiga hari, mulai **11 Oktober - 13 Oktober 2023** di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), dengan menampilkan lebih 28 ahli panel pakar dalam bidang masing-masing ini juga berperanan sebagai saluran perkongsian pelbagai matlamat pasaran buruh yang akhirnya memberi laba kepada golongan majikan.
3. Intipati perkongsian oleh ahli panel dari dalam dan luar negara menerusi IPEF 2023 akan meliputi aspek **pemerkasaan tenaga buruh, Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta sosial dan urus tadbir pekerjaan**. Maklumat sebegini mampu menyuntik perubahan positif terhadap rangkaian aspek pengurusan sumber manusia, sekali gus melonjak tahap produktiviti pekerja dan unjuran prestasi syarikat serta mewujudkan tenaga buruh yang utuh.
4. Anjakan perubahan ini amat bertepatan pada masanya, dengan mengambil kira kesan kejutan ketara berikutan pandemik COVID-19 yang menyaksikan amalan pengurusan sumber manusia terdahulu bertukar jumud. Demi memastikan dasar semasa mencakupi pengurusan sumber manusia; faktor penawaran dan permintaan pasaran buruh; serta corak pengoperasian pekerja kekal relevan, pelbagai entiti

syarikat gergasi di pentas global merencana hala tuju baharu. Sehubungan itu, perincian amalan terbaik diterapkan Bank Dunia, Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA), selain pakar dari pelbagai negara luar antaranya Jepun, Norway, Belgium dan Jerman akan menjadi panduan terbaik dalam merungkai kejutan pasaran buruh. Forum ini turut akan diserikan dengan kehadiran **Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli; Penasihat Penyelidikan Institut Penyelidikan Khazanah, Prof Dr Jomo Kwame Sundaram dan lagenda boling negara, Datuk Shalin Zulkifli**. Pelbagai pakar pengurusan daripada AirAsia, Shell, Pos Malaysia dan LinkedIn juga akan memberikan input mereka berkaitan pasaran buruh yang transformatif. Yuran penyertaan IPEF 2023 dalam kalangan sektor swasta boleh dituntut semula daripada Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) menerusi Skim Bantuan Latihan (SBL).

5. Dari kaca mata pekerja dan yang masih mencari kerjaya bersesuaian terutama dalam kalangan graduan, penganjuran IPEF 2023 berteraskan komitmen Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), iaitu antara agensi seliaan Kementerian Sumber Manusia (KSM) ini bakal memberi sudut pandang baharu mengenai corak permintaan pasaran buruh. Kecaknaan berhubung perkara ini penting demi memastikan isu berkaitan ketidakpadanan kerjaya yang masih giat ditangani di Malaysia berupaya mereda dan akhirnya memacu taraf sosioekonomi masyarakat secara keseluruhannya. Peningkatan keperluan majikan, khususnya membabitkan jenis kemahiran dan pengalaman tertentu, mengikut sektor pekerjaan adalah antara topik utama yang akan diperhalusi dalam siri perbincangan di pentas IPEF 2023. Akhirnya, satu lagi segmen masyarakat yang akan dapat menimba manfaat daripada
6. IPEF 2023 sejak pertama kali dianjurkan pada 2021 adalah golongan penyelidik di seluruh Malaysia. Selok belok, perkembangan dan evolusi pasaran buruh yang dijangka menjadi 'komoditi' utama forum

antarabangsa ini sudah pasti membantu dalam proses percambahan idea untuk menyiapkan kerangka penyelidikan pada masa depan. Secara keseluruhannya, IPEF 2023 adalah peluang keemasan untuk dimanfaatkan pelbagai segmen masyarakat di Malaysia kerana ia kunci ke arah anjakan kemajuan pasaran buruh yang menjadi antara penjana utama ekonomi negara. Pendaftaran boleh dibuat menerusi pautan **ipef2023.perkeso.gov.my**.

7. Bagi sebarang pertanyaan, boleh hubungi PERKESO di talian **1-300-22-8000, 019-6101294, 019-6057634, 019-6093342** untuk peserta dalam negara dan **017-6881641, 019-2400714** bagi peserta luar negara atau emel **ipef.2023@perkeso.gov.my**.

YB TUAN V. SIVAKUMAR
MENTERI SUMBER MANUSIA
KUALA LUMPUR
SEPTEMBER 2023